

Kelas tambahan untuk penuntut lemah

14 FEBRUARI 2004
BERITA HARIAN

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (HEP) mengadakan kelas tambahan bagi membantu pelajar lemah, khususnya mata pelajar kritikal.

Yang Dipertuannya, Sahar Jalldin, berkata Program Tutorial Subjek Terpilih yang dilaksanakan sejak dua semester lalu berjaya menunjukkan hasil positif menerusi pertambahan pelajar yang lulus.

Katanya, antara subjek yang diberi keutamaan antaranya Kimia, Fizik, Matematik dan beberapa sub-

jek lain yang dianggap *killer subject* oleh pelajar.

"Program ini dimulakan sejak semester Julai lalu dan dilaksanakan dengan kerjasama pensyarah di semua fakulti di UPM.

"MPP mengenal pasti pelajar yang memerlukan bimbingan dan mereka diberi peluang mengikuti tutorial khas oleh pensyarah bagi memperbaiki kelemahan.

"Hasilnya amat positif kerana jumlah pelajar yang gagal semakin berkurangan dalam semester ini," katanya ketika ditemui di UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.